



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

PENGURANGAN LANGKAH-LANGKAH PENJARAKAN SOSIAL

YANG DIAMBIL

BERIKUTAN SITUASI COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

20 Ramadhan 1441 / 14 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 20 Ramadhan 1441H bersamaan 14 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** yang telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 134 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada

ketika ini ialah seramai **6 kes**. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada ketika ini, seramai **108 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,575 orang**.

4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 173 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 16,523 ujian.

5. Seterusnya, mengambilkira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dilaksanakan berikutan wabak COVID-19 di negara ini sejak Mac 2020, seperti berikut:

- Pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan mengenakan syarat-syarat tertentu bermula pada **hari Sabtu, 22 Ramadhan 1441H bersamaan dengan 16 Mei 2020.**

- Bagi peringkat pertama ini, pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial akan melibatkan:
 - Sekolah memandu
 - *Gyms and fitness centres*
 - Fasiliti sukan (*indoor and outdoor*)
 - Padang golf
 - Restoran, kafe dan *food courts*
 - Gerai dan pasar

Keterangan lanjut mengenai pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial di setiap premis tersebut akan masing-masing dijelaskan oleh Kementerian yang berkenaan.

6. Dengan ini, Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial tersebut. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

7. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Jika situasi wabak

kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut. Orang ramai akan dimaklumkan mengenai perkara ini dari masa ke masa.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Selamat menunaikan ibadah puasa dan selamat menjalani sepuluh hari terakhir di bulan Ramadhan. Sama-samalah kita mempertingkatkan amal ibadah kita di penghujung Ramadhan ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa terlindung dari wabak COVID-19.

Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 20 Ramadhan 1441H / 14 Mei 2020